



## KENYATAAN MEDIA

### **PERKESO DAN FLEX BERGANDING BAHU BUKA PELUANG PEKERJAAN KEPADA OKU, WUJUDKAN HUB SATELIT MYFUTUREJOBS@FLEX**

**PRAI, PULAU PINANG** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Flex Penang hari ini telah mengukuhkan hubungan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak menerusi pemeteraian satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi **memperkasa penempatan pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU)** di Malaysia.

Selain memangkin usaha pengambilan pekerja dalam kalangan OKU, langkah ini juga dapat mewujudkan pembangunan ekonomi negeri yang lebih inklusif. Memorandum yang ditandatangani itu juga antara lain akan memberi laluan kepada penubuhan **sebuah Hub Satelit MYFutureJobs@Flex** di kompleks Flex Penang di Prai.

Pemeteraian MoU telah disaksikan oleh **YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia** dan ditandatangani oleh **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO** dan **Encik Viswanathan Paramasivam, Naib Presiden Flex Penang**.

Antara bidang kerjasama strategik lain di bawah MoU tersebut merangkumi aspek **penyelidikan dan pengajaran, program kebolehpasaran kerjaya, perkhidmatan pekerjaan menerusi Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs, sesi *Training of Trainers* (ToT) dan Program Return to Work (RTW) PERKESO.**

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan pekerjaan PERKESO dapat dilaksanakan secara komprehensif dan sistematik, pengoperasian Hub Satelit MYFutureJobs@Flex akan **dilaksanakan secara bersama** antara PERKESO dan Flex Penang. Hab ini juga akan menjadi platform kepada para pencari kerja di sekitar Pulau Pinang untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pekerjaan terkini, selain turut berfungsi sebagai pusat perkongsian dan penganjuran program kerjaya oleh MYFutureJobs.

Kolaborasi dua hala ini disambut baik oleh **YB Datuk Seri M.Saravanan** yang menyatakan sokongan penuh Kementerian Sumber Manusia terhadap **kerjasama awam-swasta** seperti yang dijalinkan antara PERKESO dan Flex Penang. Beliau yang turut merasmikan hab berkenaan telah menzahirkan hasratnya untuk melihat lebih ramai majikan di negara ini untuk mencontohi inisiatif proaktif tersebut bagi merencanakan lagi penempatan pekerja tempatan dalam syarikat swasta, khususnya daripada golongan rentan seperti OKU.

Sementara itu, **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman** berkata pembukaan hab tersebut menjadikan Flex Penang sebagai **syarikat pertama di Malaysia** yang mempunyai Hub Satelit MYFutureJobs. Tambah beliau lagi, PERKESO, menerusi Portal MYFutureJobs berjaya menempatkan seramai **150 orang pekerja OKU** di Flex Penang sehingga tahun ini dan menjangkakan lebih ramai golongan OKU akan diambil bekerja dengan syarikat ini setelah Hub Satelit MYFutureJobs@Flex mula beroperasi.

Menurut **Encik Viswanathan Paramasivam**, Flex Penang sentiasa mengalu-alukan semua individu tanpa mengira identiti di syarikat mereka dan komited untuk terus mewujudkan budaya kerja yang inklusif. Berpegang kepada prinsip meraikan kepelbagaian dalam tenaga kerja, beliau yakin langkah ini dapat meningkatkan produktiviti organisasi kerana setiap individu adalah unik dan mempunyai bakat serta kemahiran yang berbeza.

Sehingga kini, Flex Penang telah mengambil seramai **277** golongan OKU bekerja di seluruh negara, sekali gus menjadikan syarikat tersebut sebagai salah satu majikan

paling tinggi yang menggajikan golongan OKU di Malaysia. Dalam majlis yang sama, Flex Penang turut membuat **sumbangan alat bantuan pendengaran** kepada **14** orang ahli **Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang**.

PERKESO menggalakkan semua rakyat Malaysia, khususnya masyarakat Pulau Pinang yang sedang mencari pekerjaan atau meninjau peluang pekerjaan lain, supaya segera berdaftar di Portal MYFutureJobs di [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) atau hubungi **nombor Careline PERKESO** di talian **1-300-22-8000** atau e-mel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat, PERKESO**

**dan**

**Bahagian Komunikasi Flex Penang**

**17 Julai 2022**

## **Mengenai PERKESO:**

*Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.*

*Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja – Insentif Penggajian dan SIP Gig.*

## **Mengenai Flex Penang:**

*Flex ialah rakan kongsi pembuatan pilihan yang membantu pelanggan dalam reka bentuk asas yang pelbagai dan membina produk yang menambah baik dunia. Melalui kekuatan kolektif tenaga kerja global merentasi 30 negara dengan operasi yang bertanggungjawab dan mampan, Flex menyampaikan inovasi teknologi, rangkaian bekalan dan penyelesaian pembuatan kepada pelbagai industri dan pasaran akhir. Di Malaysia, kami mempunyai 11 buah kilang dan pejabat beroperasi di Pulau Pinang, Selangor dan Johor yang dikendalikan oleh 20,000 pekerja. Flex juga merupakan salah satu majikan Orang Kurang Upaya (OKU) terbesar dalam industri.*

## **UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:**

### **PERKESO**

Shafiq Adnan | [shafiq.adnan@perkeso.gov.my](mailto:shafiq.adnan@perkeso.gov.my) | +6018-3246720

Hamisah Hamid | [hamisah.hamid@perkeso.gov.my](mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my) | +6019-3833605

### **Flex Penang**

Ho Chu Hor | [chuhor.ho@flex.com](mailto:chuhor.ho@flex.com) | +6019-2390600